

Harga tak sama!



ANGGOTA penguat kuasa membuat pemeriksaan di pasar raya berkenaan. FOTO Ihsan KPDNHEP Selangor

Ruwaida Md Zain
am@hmetro.com.my

SEBUAH pasar raya di Klang didapati menjual satu jenama beras pada harga mengelirukan pengguna, sejak setahun lalu.

la susulan pemeriksaan sepasukan penguat kuasa Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) Selangor, petang semalam.

Pengarah KPDNHEP Selangor, Muhamad Zikril Azan Abdullah berkata, sebaik menerima aduan, pihaknya melakukan pemeriksaan dan mendapati harga beras berkenaan mengelirukan.

“Satu tindakan kes diambil berdasarkan aduan pengguna ke atas item beras yang tidak sama harga yang di tag dengan harga dibayar di premis.

“Semakan mendapati, harga runcit disyorkan oleh pengeluar (Retail Recommended Price) yang dipamerkan pada plastik pembungkus barangan yang diadukan iaitu beras 10 kilogram (kg) adalah RM53.30 tetapi tanda harga dipamerkan untuk jualan dan harga di kaunter pembayaran pula RM54.70.

“Semakan dalam sistem inventori mendapati harga jualan sejak dari Mei 2019 sehingga April 2020 adalah RM54.70 dengan purata kos belian dari pembekal RM47.40,” katanya dalam satu kenyataan, hari ini.

Muhamad Zikril Azan, bagaimanapun berkata, tiada kenaikan harga jualan berlaku terhadap barangan itu.

“Namun, terdapat kekeliruan berkaitan harga pada item terbabit yang disyaki menjadi kesalahan mengikut Seksyen 12 Akta Perlindungan Pengguna (APP) 1999 dan Seksyen 14 Akta Perihal Dagang (APD) 2011.

“Apabila ditanya kepada peniaga terbabit, jawapannya tersilap. Jadi, kita harap peniaga lebih berhati-hati supaya harga yang ditawarkan sama dengan harga pada item itu.

“KPDNHEP mengambil tindakan mengikut Seksyen 12 APP membabitkan sitaan ke atas item bagi mengelakkan perkara sama berulang,” katanya.

Beliau juga mengingatkan pengguna supaya berhati-hati ketika membuat pembelian serta meneliti sama ada harga barang yang dibayar sama dengan harga dipamerkan.

“Sekiranya berlaku di tempat anda, segera buat aduan kepada kami untuk diambil tindakan.

“Kita juga akan melakukan pemeriksaan di pasar raya sama di lokasi lain bagi memastikan perkara sama tidak berlaku ke atas barang keperluan utama pengguna seperti beras ini,” katanya.

<https://www.hmetro.com.my/mutakhir/2020/04/568494/harga-tak-sama>

Artikel ini disiarkan pada : Ahad, 19 April 2020 @ 9:46 AM